

## IMPAK COVID-19 TERHADAP KELESTARIAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT PEDALAMAN DI MALAYSIA: KAJIAN KES DAERAH SEGAMAT JOHOR

Khairul Hisyam Kamarudin  
Asan Ali Golam Hassan @ Mohammad  
Mohamad Fadhli Rashid  
Nanthakumar Loganathan

### ABSTRAK

*Sejak tercetusnya gelombang pandemik COVID-19 sekitar awal tahun 2020, dan berpanjangan sehingga ke hari ini, pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah kawalan penularan wabak dan pengurangan risiko jangkitan termasuklah ke wilayah dan masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman. Perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan untuk mengawal pergerakan dalaman dan rentas sempadan daerah dan/atau negeri telah diterima dan disesuaikan menjadi norma baharu dalam mengawal penularan jangkitan khususnya melibatkan kumpulan masyarakat yang rentan. Namun pada masa yang sama, sekatan pergerakan ini turut merencatkan pelbagai kegiatan sektor ekonomi yang menjadi nadi kehidupan masyarakat. Memandangkan kurang terdapat kajian yang spesifik untuk mengetahui impak COVID-19 terhadap kelestarian sosioekonomi dan keperluan bagi masyarakat di pedalaman, satu kajian kes dan tinjauan lapangan telah dibuat melibatkan 20 responden/ketua isi rumah (KIR) di FELDA Pemanis 1, daerah Segamat, Johor pada 13-14 September 2021. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden adalah warga emas yang tergolong sebagai kumpulan rentan dan berisiko tinggi. Majoriti KIR iaitu 55 peratus menghadapi impak dari segi kemerosotan pendapatan disebabkan oleh dua faktor utama iaitu jualan hasil pertanian atau penternakan yang berkurangan dan tidak dapat keluar untuk bekerja atau berniaga. Dapatan kajian ini juga mendapati majoriti KIR mengambil tiga langkah utama dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19 seperti tindakan untuk meningkatkan pendapatan, tindakan mendapatkan sumber bekalan makanan, dan langkah membantu meningkatkan pembelajaran anak-anak sebagai persediaan bagi mengharungi situasi yang sukar ini.*

Kata Kunci: Pandemik, COVID-19, komuniti pedalaman, rentan, Perintah Kawalan Pergerakan.

### PENGENALAN

Coronavirus (COVID-19) yang melanda pada dekad baru 2020, menjadikan industri penjagaan kesihatan dan pelbagai bidang yang berkaitan kesihatan dan sosioekonomi menjadi suram dalam menghadapi krisis global yang belum pernah terjadi pada skala sebegini sebelumnya. Penularan wabak yang berlaku secara meluas telah menjadikan seluruh dunia seolah-olah “dikunci” dengan penutupan sempadan negara serta larangan penerbangan dan pergerakan rentas negeri mahupun antarabangsa. Tindakan drastik ini terpaksa diambil oleh pihak kerajaan untuk mengurangkan risiko penularan wabak serta bagi memastikan kemudahan kesihatan dapat terus beroperasi dalam kemampuan kapasiti (Aziz, et al., 2020; Shakeel, et al., 2020). Walau bagaimanapun, sekatan perjalanan dan pembekuan aktiviti ekonomi dan pergerakan pekerja di pelbagai sektor dan skala aktiviti di masa yang sama telah menjadikan ekonomi dan iklim perniagaan menguncup (Fabeil, et al., 2020; Rashid & Hassan, 2020; Farique & Fauzi, 2021). Para pekerja yang terkesan pula perlu berdepan risiko kehilangan pekerjaan dan pendapatan (Hamid, et al., 2021). Masyarakat umumnya terpaksa menyesuaikan diri dengan kehidupan normal baharu disertai dua isu besar iaitu; bilakah pandemik ini akan berakhir dan; bagaimanakah mereka mampu bangkit dan memulihkan kembali kehidupan yang terjejas?

Situasi seperti yang dinyatakan di atas menjadi motivasi kepada kumpulan pengkaji memandangkan kurang terdapat kajian yang spesifik untuk mengetahui impak COVID-19 terhadap kelestarian sosioekonomi dan keperluan bagi masyarakat di pedalaman. Justeru, satu kajian dan tinjauan lapangan telah dibuat melibatkan 20 responden/ketua isi rumah (KIR) di FELDA Pemanis 1, daerah Segamat, Johor pada 13-14 September 2021 bertujuan menilai lebih lanjut isu dan persoalan yang timbul. Artikel ini telah dimulai dengan sorotan literatur berkenaan situasi COVID-19 dan langkah pengawalan penularan jangkitan oleh pihak kerajaan menerusi beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Selanjutnya, pengkaji mengupas impak oleh COVID-19 terhadap sosioekonomi dan kehidupan masyarakat berpandukan tujuh dimensi iaitu pekerjaan dan perniagaan, pendidikan, kesihatan, keselamatan, kebajikan, keagamaan dan hubungan sosial. Berikutnya, dibentangkan hasil analisa dan perbincangan dapatan kajian lapangan dan kesimpulan kajian.

### KAJIAN LITERATUR

Sorotan literatur mendapati dalam situasi Malaysia, negara dan rakyatnya terpaksa mengharungi cabaran berganda iaitu mengurus pandemik COVID-19 dan mewujudkan kestabilan politik dan jentera pentadbiran yang berkesan setelah berlaku peralihan tampuk pemerintahan kerajaan sekitar awal Mac 2020. Malah, sebelum peralihan tampuk pemerintahan lagi kerajaan turut bergelut dengan masalah hutang dan kekangan kewangan, kejatuhan harga minyak mentah dan kemerosotan pelancong disebabkan penutupan sempadan negara dan kebimbangan pelancong untuk melakukan perjalanan (Lim, 2020). Sebagai langkah segera menangani penularan pandemik COVID-19, kerajaan telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 sehingga 12 Mei 2020 (Khor, et al., 2020; Shah, et al., 2020). Di bawah fasa awal PKP ini, majoriti sektor ekonomi diarah tutup operasi kecuali sektor sumberjaya dan perkhidmatan perlu (essential services), rakyat tinggal di rumah, larangan aktiviti luar dan sekatan pergerakan rentas daerah dan negeri (Lehan et al., 2020; Lim, 2020).

Berikutan langkah kawalan yang ketat dan laporan kes jangkitan yang mulai terkawal, pada 4 Mei 2020, kerajaan melonggarkan PKP dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Di bawah fasa PKPB iaitu sehingga 9 Jun 2020, pembukaan semula sektor ekonomi telah dibuat dan pergerakan penduduk secara terhad dibenarkan dengan mematuhi prosedur serta piawaian kesihatan dan keselamatan yang ketat (Farique & Fauzi, 2021). Pada peringkat awal ini, usaha membendung penularan wabak yang dilaksanakan telah menerima reaksi positif daripada rakyat dan pengiktirafan badan antarabangsa terutama langkah-langkah yang ditunjukkan bagi menjalankan ujian, pengesanan kontak rapat, kuarantin, rawatan dan menyalurkan maklumat yang tepat kepada petugas barisan hadapan dan rakyat secara keseluruhannya. Dengan pencapaian (dan keberkesanan) yang ditunjukkan menerusi PKP, kerajaan seterusnya telah memperkenalkan dan melaksanakan beberapa versi PKP dengan tujuan dan fokus yang berbeza iaitu ada kawasan yang diperketatkan dan/atau dilonggarkan, sehinggalah Pelan Pemulihan Nasional diperkenalkan pada 15 Jun 2021 (Jadual 1).

**Jadual 1: Perintah Kawalan Pergerakan mengikut fasa, 2020 – 2021**

Fasa	Tarikh/Tempoh
<b>Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 18 Mac 2020 – 3 Mei 2020</b>	
Fasa 1	18 Mac 2020 - 31 Mac 2020
Fasa 2	1 April 2020 - 14 April 2020
Fasa 3	15 April 2020 - 28 April 2020
Fasa 4	29 April 2020 - 3 Mei 2020
<b>Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), 4 May 2020 - 9 June 2020</b>	
Fasa 1	4 Mei 2020 - 12 Mei 2020
Fasa 2	13 Mei 2020 - 9 Jun 2020
<b>Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), 10 Jun 2020 – 31 Mac 2021</b>	
Fasa 1	10 Jun 2020 - 31 Ogos 2020
Fasa 2	1 September 2020 - 31 Disember 2020
Fasa 3	1 Januari 2021 - 31 Mac 2021
<b>Perlaksanaan PKP Mengikut Negeri (11 Januari 2021 – 28 Jun 2021)</b>	
Setiap negeri akan membuat pemantauan dan penilaian situasi COVID-19 dan membuat keputusan mengenai status pelaksanaan sama ada PKP, PKPB, PKPP	
<b>“Total Lockdown” (1 Jun 2021 – 28 Jun 2021)</b>	
<b>Pelan Pemulihan Nasional (PPN), 15 Jun 2021 – 31 Disember 2021</b>	
Fasa 1	1 Jun 2021 - 1 Oktober 2021
Fasa 2	5 Julai 2021 (bermula dengan Perlis, Kelantan, Terengganu, Pahang & Perak)
	7 Julai 2021 (Pulau Pinang)
	10 Julai 2021 (Sabah)
	14 Julai 2021 (Sarawak)
	26 Ogos 2021 (Negeri Sembilan)
	4 September 2021 (Melaka)
	10 September 2021 - 1 Oktober 2021 (Selangor, Kuala Lumpur & Putrajaya)
	24 September 2021 (Johor)
Fasa 3	1 Oktober 2021 (Kedah)
	4 Ogos 2021 (bermula dengan Perlis, Sarawak & Labuan)
	4 September 2021 (Negeri Sembilan)
	24 September 2021 (Pahang)
Fasa 4	1 Oktober 2021 (Selangor, Kuala Lumpur & Putrajaya)
	26 Ogos 2021 (bermula dengan Labuan)
	24 September 2021 (Negeri Sembilan)

Sumber: Wikipedia (2021)

Sepertimana ditunjukkan pada Jadual 1, PKP telah dirancang dan dilaksanakan secara bersistematik dengan mempertimbangkan pelbagai indikator terutama laporan kes harian dan kapasiti kemudahan kesihatan bagi melaksanakan ujian, saringan, kuarantin dan rawatan (Lim, 2020). Namun, keupayaan untuk membendung penularan COVID-19 tidak hanya dipertanggungjawabkan kepada pihak kerajaan dan petugas barisan hadapan semata, malah memerlukan komitmen dan disiplin tinggi oleh seluruh lapisan masyarakat terutama untuk mengamalkan normal baharu dan mematuhi prosedur serta piawaian kesihatan dan keselamatan yang ditentukan (Norashikin, et al., 2021). Sebarang pelanggaran arahan seperti rentas negeri tanpa kebenaran dan tidak melaporkan kepada pusat kesihatan sekiranya bergejala, boleh merencatkan segala usaha yang telah dibuat dan melambatkan proses peralihan kepada fasa pemulihan. Namun, setelah hampir 15 bulan berada di bawah beberapa fasa dan versi PKP (seperti Jadual 1), YAB Perdana Menteri pada 15 Jun 2021 telah memperkenalkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi membawa negara ke fasa pemulihan daripada pandemik dan menjana semula ekonomi dan kehidupan rakyat (Rajah 1).

## + PELAN PEMULIHAN NEGARA + PERALIHAN PKP SECARA BERPERINGKAT MERANGKUMI 4 FASA

### BERDASARKAN 3 INDIKATOR UTAMA

#### KEADAAN PENULARAN COVID-19 DALAM KOMUNITI


berdasarkan bilangan kes jangkitan harian

#### KEUPAYAAN SISTEM KESIHATAN AWAM

berdasarkan kadar penggunaan katil di wad ICU

#### TAHAP POPULASI YANG DILINDUNGI


berdasarkan peratusan lengkap terima 2 dos vaksin



Rajah 1: Pelan Pemulihan Negara mengikut fasa (Jun – Disember 2021)

Sumber: Bernama (2020)

Setiap fasa peralihan atau pelanjutan PPN akan diputuskan berdasarkan pencapaian beberapa indikator termasuklah bilangan kes baharu, pesakit yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan kadar vaksinasi (lengkap 2 dos). Sehingga artikel ini dihasilkan, golongan dewasa yang telah menerima vaksin lengkap 2 dos telah mencapai kadar 88.0 peratus, manakala yang telah menerima sekurang-kurangnya 1 dos adalah berjumlah 94.4 peratus (Rajah 2). Dengan penurunan jumlah kes harian dan pesakit di ICU, serta kadar vaksinasi yang melebihi 80 peratus, membolehkan semua negeri beralih daripada fasa 1 ke fasa 2. Manakala, peralihan untuk fasa 3 dan 4 adalah bergantung kepada pencapaian setiap negeri seperti dinyatakan pada Jadual 1.



Rajah 2: Status COVID-19 dan vaksinasi (4 Oktober 2021).  
Sumber: Majlis Keselamatan Negara (MKN) (2021)

### Impak Sosioekonomi oleh Pandemik COVID-19

Semakan literatur menunjukkan terdapat dua sisi penilaian impak sosioekonomi oleh pandemik COVID-19. Daripada satu sisi/sudut dalam ekonomi, entiti perniagaan atau sektor yang terlibat secara langsung dalam pembekalan kelengkapan dan penyediaan perkhidmatan kesihatan telah menikmati lonjakan besar dalam jumlah pengeluaran dan pendapatan (Berita Harian, 2020; Fabeil, et al., 2020). Ini termasuklah pengeluar sarung tangan getah dan peralatan kesihatan seperti pelitup muka, pakaian pelindung (PPE), cecair pembasmi kuman dan sebagainya. Sektor kesihatan dimasukkan sebagai salah satu kategori perkhidmatan penting (essential services) bersama-sama sektor lain seperti pertanian, utiliti, keselamatan, peruncitan, e-dagang, badan berkanun dan sebagainya (Aziz, 2020). Dengan penerusan operasi di bawah SOP yang ketat, maka kegiatan ekonomi yang perlu dapat diteruskan bagi menyokong kelangsungan ekonomi negara dan kehidupan rakyat.

Manakala, dari sisi/sudut yang sebaliknya, pelanjutan PKP dan penutupan pelbagai sektor ekonomi yang berpanjangan telah memberi pukulan berat terhadap kelangsungan perniagaan dan kehidupan rakyat. Kajian oleh Aziz (2020) mendapati penutupan aktiviti perniagaan dan lain-lain sektor ekonomi sepanjang PKP dan kemudiannya dibuka semula dengan bersyarat dan berperingkat telah menyebabkan banyak syarikat tidak dapat mengekalkan jumlah pengeluaran, membantutkan rantaian pembekalan menyebabkan pendapatan menurun secara drastik. Kehilangan pendapatan memaksa majikan mengambil langkah mengurangkan kos dan perbelanjaan operasi sebagai langkah mempertahankan kelangsungan perniagaan. Ini termasuklah mengurangkan bilangan pekerja dan/atau memotong gaji (Aziz, 2020; Hamid, et al., 2021; Rashid et al., 2021). Malah, berdasarkan laporan Statistik Utama Tenaga Buruh (dikeluarkan pada Februari 2021), kadar pengangguran yang direkodkan bagi Februari 2021 ialah 4.8 peratus, berkurang 0.1 peratus berbanding Januari 2020 (4.9%), namun kedua-dua angka tersebut adalah masih tinggi berbanding 3.3% yang dicatatkan pada suku pertama 2019. Malah, bilangan penduduk bekerja turut menurun sebanyak 0.5 peratus kepada 15.3 juta orang berbanding 15.37 juta orang pada Mei 2021 (Berita Harian, 2021b).

Jadual 2: Kesan penularan COVID-19 terhadap taraf pekerjaan mengikut penerimaan perubahan pendapatan

	Taraf pekerjaan	Perubahan Pendapatan (%)			
		< 10%	10% - 49%	50% - 89%	> 90%
1	Bekerja sendiri	15.3	18.7	30.5	35.5
2	Majikan	8.9	25.2	37.6	28.3
3	Pekerja Government Link Companies (GLCs)	17.5	62.7	16.0	3.8
4	Pekerja swasta	16.0	51.3	25.2	7.4
5	Pekerja syarikat multinasional (MNC)	19.3	62.5	14.1	4.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2020a: 13).

Berdasarkan jadual di atas, didapati 35.5 peratus responden yang “bekerja sendiri” dan 28.3 peratus “majikan” menyatakan pendapatan bulanan yang mereka terima telah berkurang pada kadar melebihi 90 peratus dalam tempoh penularan COVID-19. Melihatkan impak yang signifikan oleh pandemik, serta bagi menyeimbangkan risiko kehilangan pekerjaan dan penguncupan pelbagai sektor ekonomi yang menyumbang kepada pembangunan negara, laporan yang sama turut menyenaraikan tindakan pihak kerajaan dalam menyokong operasi perniagaan dan pekerjaan rakyat. Ini termasuklah pelaksanaan Program Subsidi Upah (PSU) 1.0 dan PSU 2.0 yang memanfaatkan masing-masing sekitar 2.64 juta pekerja dan 554,876 pekerja. Diikuti pelaksanaan Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan (melibatkan 131,568 pekerja), Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran (melibatkan 136,927 pekerja) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).

Kerajaan turut memperkenalkan skim pembiayaan PKS PENJANA bertujuan meningkatkan daya tahan perniagaan PKS dan memelihara pasaran buruh supaya dapat mengharungi tempoh yang mencabar ini. Di bawah skim ini, sejumlah RM1.32 bilion telah diluluskan bagi manfaat 6,973 pemohon. Selain skim PKS PENJANA, laporan Jabatan Perangkaan 2021 turut memperincikan pelbagai lagi skim khusus yang bertujuan menyokong kelangsungan perniagaan dan mengekalkan momentum pemulihan pasaran buruh.

### Impak Penularan COVID-19 terhadap Kehidupan Masyarakat

Penularan COVID-19 dalam negara tidak hanya memberi kesan langsung kepada sektor ekonomi, bahkan turut memberi kesan terhadap aspek sosial masyarakat. Menjalani kehidupan di bawah kerangka “normal baharu” dan disesuaikan dengan pematuhan serta disiplin ketat mengikut piawaian dan prosedur kesihatan, masyarakat mula merasai perubahan rutin dan gaya hidup harian. Laporan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2020b) memperincikan impak COVID-19 kepada beberapa aspek dalam masyarakat iaitu pekerjaan dan perniagaan, pendidikan, kesihatan, keselamatan, kebajikan, keagamaan dan hubungan sosial (Jadual 3).

Jadual 3: Impak COVID-19 terhadap masyarakat

Sektor	Golongan terkekan	Kelebihan	Kelemahan
<b>Pekerjaan dan perniagaan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Majikan</li> <li>Pekerja kerajaan dan swasta</li> <li>Peniaga</li> <li>Petani dan nelayan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melahirkan pekerja yang berdisiplin</li> <li>Meneroka ilmu baharu (BDR)</li> <li>Meningkatkan penggunaan e-dagang</li> <li>Bantuan pemasaran produk</li> <li>Pengecualian bayaran premis untuk PKS</li> <li>Subsidi upah</li> <li>Tambahan bayaran elaun</li> <li>Mewujudkan platform perniagaan baharu (cth: ebazar)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hilang pekerjaan dan sumber pendapatan</li> <li>Permintaan dan jualan berkurang daripada pemborong dan peniaga</li> <li>Gangguan semasa bekerja (BDR)</li> <li>Perniagaan atau premis terpaksa ditutup</li> <li>Potongan gaji</li> </ul>
<b>Pendidikan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Murid sekolah</li> <li>Pelajar IPT</li> <li>Guru dan pensyarah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan literasi computer</li> <li>Sesi pembelajaran di rumah</li> <li>Merapatkan hubungan pelajar dengan ibu bapa</li> <li>Meningkatkan kemahiran mengajar secara online</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bahan rujukan yang terhad</li> <li>Kurang komunikasi lisan</li> <li>Akses internet terhad</li> <li>Pindaan sesi persekolahan dan ujian</li> </ul>
<b>Kesihatan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penduduk bekerja</li> <li>Warga emas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Rehat yang mencukupi</li> <li>Pemakanan yang sihat</li> <li>Mengurangkan penularan virus COVID-19</li> <li>Pengecualian bayaran bagi warga asing yang membuat saringan COVID-19</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tekanan mental dan emosi</li> <li>Obesiti sekiranya gaya pemakanan tidak dijaga</li> <li>Bekalan makanan dan ubatan terhad</li> <li>Terputus bekalan makanan</li> </ul>
<b>Keselamatan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua penduduk</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar jenayah berkurang</li> <li>Kadar kemalangan jalan raya berkurang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peningkatan <i>scammer</i></li> <li>Penderaan dan keganasan rumah tangga</li> <li>Gelandangan</li> <li>Rakyat Malaysia terkandas di luar negara</li> </ul>
<b>Kebajikan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua penduduk</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bantuan tunai secara one-off dan berkala</li> <li>Bantuan makanan</li> <li>Bantuan sewa rumah</li> <li>Derma</li> <li>Golongan gelandangan dapat dikenal pasti</li> <li>Diskaun bil utiliti</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bantuan lambat sampai ke kawasan pedalaman</li> </ul>
<b>Keagamaan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penduduk mengikut agama</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Beribadah bersama keluarga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tempat ibadah tidak digunakan</li> </ul>
<b>Hubungan sosial</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua penduduk</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lebih masa Bersama keluarga</li> <li>Perpaduan dalam komuniti</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Komunikasi melalui alam maya</li> </ul>

		• Pakej internet percuma	• Pertambahan bilangan kelahiran
--	--	--------------------------	----------------------------------

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2020b: 2).

Semakan literatur mendapati banyak data terkini dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang bersifat umum dan menyeluruh, serta tiada satu kajian khusus atau komprehensif bagi menilai impak penularan COVID-19 terhadap kehidupan masyarakat luar bandar dan di pedalaman. Beberapa kajian yang diterbitkan dan telah dirujuk adalah fokus kepada sub-komponen luar bandar seperti impak COVID-19 kepada kehidupan kelompok pekebun kecil (rujuk kajian Musa dan Abdul Rashid, 2021). Begitupun, sorotan literatur tersebut penting bagi menyediakan gambaran lebih jelas kepada pengkaji bagi penghasilan artikel ini yang bertujuan untuk membincangkan impak COVID-19 terhadap kelestarian sosioekonomi masyarakat di kawasan luar bandar dengan mengambilkira sebuah kajian kes komuniti di FELDA Pemanis, daerah Segamat Johor.

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini melibatkan kaedah bercampur iaitu kualitatif (berpandukan kajian kes dan pemerhatian di lapangan) dan kuantitatif (berpandukan borang kaji selidik). Pengumpulan data primer diperoleh melalui responden iaitu Ketua Isi Rumah (KIR) yang ditemubual menggunakan borang kaji selidik oleh para pengkaji dan pembanci sewaktu kajian lapangan. Proses pembangunan borang kaji selidik telah dibuat secara konsultasi bersama panel pakar bidang yang terdiri daripada ahli akademik dengan latar belakang sains sosial, perancangan luar bandar dan komuniti, pakar pendidikan serta ahli ekonomi dan pengkaji daripada Institut Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia. Sejumlah empat pusingan konsultasi dijalankan sebelum borang kaji selidik akhir selesai dimuktamadkan.

Kerangka persampelan komuniti luar bandar pula telah disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (Department of Statistics Malaysia, DOSM) berdasarkan maklumat Banci Penduduk dan Perumahan Negaral 2010 dan setelah dipadankan dengan kriteria luar bandar oleh Kementerian Pelajaran Malaysia Pekeliling Perkhidmatan No.1, 2016. Kerangka dan reka bentuk kajian ini adalah berpandukan beberapa blok perhitungan dan petak kediaman. Setiap blok perhitungan terdiri daripada 80 hingga 120 petak kediaman. Maklumat populasi telah dibekalkan oleh DOSM kepada kumpulan pengkaji bagi peringkat sub-daerah (Mukim Jabi, daerah Segamat) berjumlah 7,646 orang. Untuk mendapatkan bilangan isi rumah sub-daerah, data jumlah populasi telah dibahagikan dengan purata saiz isi rumah bagi negeri Johor menjadikan jumlah KIR bagi sub-daerah berjumlah 2,012.

Walau bagaimanapun, adalah penting untuk dinyatakan di sini bahawa kes kajian yang dipilih di FELDA Pemanis, daerah Segamat Johor hanyalah salah satu daripada keseluruhan 25 kes / kawasan petempatan luar bandar dan pedalaman yang dikenal pasti untuk kajian yang lebih besar di peringkat nasional. FELDA Pemanis dipilih sebagai kes kajian memandangkan ia telah selesai proses kajian lapangan dan dapatan menerusi analisis data dapat dikongsikan oleh para pengkaji. Daripada keseluruhan 25 kawasan kajian, yang melibatkan seramai 229,411 isi rumah, jumlah saiz sampel minima yang diperlukan adalah 384 KIR (berpandukan pengiraan 95% *confidence level* dan 5% *confidence interval*). Manakala, bilangan isi rumah di setiap lokasi telah digunakan sebagai pemberat bagi mengira bilangan sampel untuk setiap kampung. Hasil pengiraan yang dijalankan, sejumlah 20 orang responden telah dikenal pasti untuk ditemubual bagi kawasan kajian di FELDA Pemanis (Rajah 3). Memandangkan dapatan kajian ini hanya melibatkan responden daripada FELDA Pemanis, maka kesimpulan yang dihasilkan lebih bersifat setempat (*site specific*) dan terhad untuk memahami situasi yang berlaku di FELDA Pemanis sahaja. Hasil kajian juga tidak semestinya sesuai untuk mewakili situasi masyarakat luar bandar yang terkesan oleh pandemik COVID-19 secara keseluruhan. Tambahan pula, proses pengumpulan data bagi kawasan kajian lain di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia sedang berjalan.




Rajah 3: Lokasi Kawasan kajian – FELDA Pemanis 1, daerah Segamat, Johor

Sumber: Google Earth Pro (2021)

**ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan Rajah 4, demografi ketua isi rumah (KIR) bagi kawasan kajian iaitu di FELDA Pemanis 1, daerah Segamat, Johor terdiri daripada kumpulan isi rumah kumpulan berpendapatan 40.0 peratus terendah (B40). Kumpulan isi rumah B40 ini terbahagi kepada 4 kategori kumpulan isi rumah berdasarkan kepada purata jumlah pendapatan setiap KIR. Hasil analisis menunjukkan purata pendapatan sebulan bagi KIR FELDA Pemanis 1 adalah RM 2,137.50 di mana majoriti KIR di kawasan ini adalah terdiri daripada peneroka FELDA yang menjalankan aktiviti perladangan kelapa sawit. Data bagi peringkat umur pula mendapati purata umur bagi KIR FELDA Pemanis 1 adalah 61 tahun di mana majoriti KIR ini merupakan peneroka generasi pertama Felda.

Penemuan bagi Rajah 4 juga menunjukkan bahawa majoriti KIR di FELDA Pemanis 1 ini terdiri daripada kumpulan isi rumah B40 yang dikategorikan sebagai B1 iaitu kumpulan terendah dalam kelas B40 sebanyak 60.0 peratus. Daripada angka tersebut, 40.0 peratus responden merupakan golongan berumur 60 hingga 79 tahun yang juga merupakan peneroka generasi pertama FELDA. Menariknya ada dikalangan KIR daripada golongan peringkat umur belia iaitu 20 hingga 39 tahun (15 peratus) dimana golongan ini adalah generasi kedua yang mengambil alih tanggungjawab sebagai peneroka daripada ayah mereka dan mereka ini tinggal dan bekerja di kawasan FELDA di samping turut mengusahakan ladang milik mereka sendiri dan/atau menyerahkan operasi ladang kepada Felda Global Ventures (FGV).



**Rajah 4: Demografi penduduk berdasarkan kumpulan umur dan kumpulan pendapatan (n=20). Sumber: Kajian lapangan (2021)**

Jadual 4 mengupas kemungkinan KIR Felda Pemanis 1 menghadapi pengurangan dari segi pendapatan semasa pandemik COVID-19 dan juga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan dan faktor-faktor penyebab berlakunya situasi pengurangan pendapatan ini. Hasil penemuan dalam Jadual 4 menunjukkan majoriti KIR iaitu 55.0 peratus mengalami pengurangan pendapatan semasa COVID-19 dan PKP. Terdapat dua (2) faktor utama penyebab kemerosotan pendapatan KIR iaitu jualan hasil pertanian atau penternakan yang berkurangan (20.0%); dan tidak dapat keluar untuk bekerja atau berniaga (15.0%). Kedua-dua faktor utama ini adalah berpunca daripada kesan pelaksanaan PKP yang menghadkan aktiviti penduduk dari menjalankan pekerjaan atau perniagaan. Akibatnya, pengoperasian dan pengeluaran hasil pertanian atau penternakan telah terjejas dan tidak dapat dipasarkan seterusnya jualan bagi hasil pertanian atau penternakan ini telah merosot. Paling banyak terjejas dari aspek pendapatan ini adalah kumpulan isi rumah B40 kategori B1 sebanyak 35.0 peratus terutamanya dari faktor pengurangan jualan hasil pertanian atau penternakan (15.0%) yang diusahakan oleh mereka.


**Jadual 4: Faktor pendapatan berkurangan akibat COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengikut kategori kumpulan pendapatan responden (n=20)**

		Pendapatan berkurangan disebabkan COVID-19 dan PKP		Ya*, Faktor pendapatan berkurangan disebabkan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (%)				
				Tidak dapat bekerja / berniaga	Telah diberhentikan bekerja	Tiada tawaran kerja	Jualan hasil pertanian / ternakan yang berkurangan	Jualan hasil hutan yang berkurangan
		Ya* (%)	Tidak (%)					
Kumpulan Pendapatan	B40 (B1) - RM2,500 dan kebawah	35.0	25.0	10.0	0.0	5.0	15.0	5.0

	B40 (B2) - RM2,500 - RM3,169	20.0	15.0	5.0	5.0	0.0	5.0	5.0
	B40 (B4) - RM3,970 - RM4,849	0.0	5.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
	Jumlah	55.0	45.0	15.0	5.0	5.0	20.0	10.0

Sumber: Kajian lapangan (2021)

Selanjutnya, kajian turut mengenal pasti lima (5) impak utama pandemik COVID-19 dan perintah kawalan pergerakan (PKP) terhadap KIR FELDA Pemanis 1 iaitu pengurangan pendapatan, kekurangan makanan basah dan kering, kekusutan fikiran dan gangguan internet (Rajah 5). Dapatan temubual responden mendapati cerita berbeza bagi impak pendapatan berkurangan, yang mana 55.0 peratus KIR mengalami impak pengurangan pendapatan terutamanya bagi kumpulan isi rumah B40 kategori B1 (35.0%) dan kategori B2 (20.0%). Manakala, baki 45.0 peratus KIR yang tidak mengalami impak pengurangan pendapatan yang ketara iaitu majoriti mereka ini adalah peneroka yang mendapatkan hasil ladang setiap bulan daripada FGV (kerana menyerahkan operasi ladang mereka dan FGV akan memberi hasil pendapatan berdasarkan kepada jumlah hasil pengeluaran kelapa sawit ladang mereka setelah dipotong dengan hutang peneroka terhadap pihak FELDA).



Impak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Rajah 5: Impak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (n=20).

Sumber: Kajian lapangan (2021).

Responden kajian turut ditanya berkenaan tindakan atau langkah yang diambil mereka dalam mendepani atau mengurangkan impak cabaran pandemik COVID-19 pada ketika ini. Hasil analisis merumuskan terdapat tiga langkah utama yang diambil responden; serta tindakan untuk meningkatkan pendapatan; tindakan mendapatkan sumber bekalan makanan; dan langkah membantu meningkatkan pembelajaran anak-anak (Jadual 5). Dari segi langkah untuk meningkatkan pendapatan, antara usaha KIR ini adalah bekerja di kebun sendiri dengan lebih kerap (25.0%), bekerja sambil dengan pelbagai pihak (10.0%), dan mencari hasil hutan (5.0%). Dari segi tindakan mendapatkan sumber bekalan makanan, KIR telah menggunakan hasil tanaman atau ternakan milik sendiri (25.0%), memohon bantuan dari agensi berkaitan seperti Felda, Pejabat ADUN dan Parlimen dan pihak Masjid (20.0%), meminjam daripada keluarga terdekat seperti saudara-mara (15.0%), dan membeli dari kedai atau peniaga berdekatan (10.0%). Dari sudut langkah membantu meningkatkan pembelajaran anak-anak, terdapat dua (2) langkah yang diambil iaitu penyediaan ruang pembelajaran yang kondusif di rumah (40.0%) dan penyediaan alternatif lain untuk mengurangkan gangguan internet di rumah seperti pembelian tambahan data dan juga penggunaan Wifi atau data peranti milik ahli keluarga (5.0%).

Jadual 5: Tindakan dan langkah menghadapi cabaran pandemik COVID-19 (n=20)

Jawapan: Tindakan dan langkah (Responden boleh memilih >1 jawapan)		Pendapatan berkurangan disebabkan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (%) *		
		B40 (B1) - RM2,500 dan kebawah	B40 (B2) - RM2,500 - RM3,169	B40 (B4) - RM3,970 - RM4,849
Usaha untuk meningkatkan pendapatan	Kerja sambil dengan pihak swasta / makan gaji	5.0	5.0	0.0
	Kerja di kebun sendiri	10.0	10.0	5.0
	Mencari hasil hutan	0.0	5.0	0.0
Tindakan apabila	Menggunakan hasil daripada tanaman / ternakan sendiri	15.0	10.0	0.0



kekurangan makanan	Membeli dari kedai / peniaga yang berdekatan	5.0	5.0	0.0
	Meminjam daripada saudara mara / ahli keluarga di kawasan kediaman sekarang	10.0	5.0	0.0
	Memohon bantuan daripada agensi kerajaan yang berkaitan	10.0	5.0	5.0
Langkah meningkatkan pembelajaran anak-anak	Menyediakan ruang pembelajaran anak-anak di rumah sepanjang PKP	25.0	10.0	5.0
	Menyediakan alternatif lain untuk meminimumkan gangguan talian	0.0	5.0	0.0

\* Nota – jumlah keseluruhan % tidak diambil kira memandangkan responden dibenarkan untuk memilih lebih daripada satu jawapan

Sumber: Kajian lapangan (2021)

Berdasarkan hasil analisis, kesemua responden kajian adalah tergolong dalam kelompok isi rumah B40 yang juga dikategorikan sebagai kumpulan mudah rentan di dalam Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 oleh DOSM. Kumpulan isi rumah B40 ini telah terbahagi kepada empat kategori berdasarkan kepada purata jumlah pendapatan setiap KIR. Hasil analisis pada Rajah 4 menunjukkan purata pendapatan bulanan KIR di kawasan kajian adalah RM 2,137.50 iaitu tergolong dalam kategori B1. Data kajian lapangan juga menunjukkan 60.0 peratus responden adalah daripada kategori B40-B1 iaitu kelompok isi rumah yang paling rentan terhadap perubahan pendapatan disebabkan faktor dalaman dan luaran. Pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP oleh pihak berkuasa juga telah memberikan kesan negatif terhadap pendapatan bulanan isi rumah di kawasan kajian. Seperti ditunjukkan pada Jadual 4, didapati 55.0 peratus responden menyatakan mereka telah mengalami pengurangan pendapatan semasa COVID-19. Penemuan ini dilihat selari dengan beberapa kajian yang dijalankan sebelum ini oleh DOSM (2020b); Musa dan Abdul Rashid (2021); Hamid, *et al.* (2021) dan Rashid *et al.* (2021) mengenai impak pandemik COVID-19 dan hasil kajian ini telah menyumbang input berkaitan situasi komuniti di kawasan luar bandar. Berdasarkan maklum balas responden, tempoh pelaksanaan PKP telah membataskan pergerakan dan aktiviti rutin penduduk menjual hasil pertanian atau penternakan selain mereka jarang dapat keluar ke pekan/bandar berhampiran untuk urusan pekerjaan/perniagaan dan mendapatkan barangan keperluan. Majoriti responden tidak memiliki banyak pilihan untuk mempelbagaikan asas ekonomi keluarga melainkan kekal fokus dengan urusan ladang kelapa sawit dan meneruskan aktiviti lain yang berkait dengan pertanian dan penternakan.

Daripada analisis yang telah dijalankan, pengkaji turut mengenal pasti tindakan atau strategi yang telah diambil oleh responden bagi menghadapi situasi kerentanan sosioekonomi sewaktu pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP. Majoriti responden mulai fokus terhadap pekerjaan di ladang sendiri dan memanfaatkan tanah ladang untuk aktiviti ternakan dan tindakan ini dirasakan dapat menjimatkan kos selain mengurangkan tekanan pengurusan disebabkan oleh kekurangan tenaga pekerja asing untuk diupah sebagaimana situasi sebelum ini. Memandangkan semua ahli isi rumah turut terkesan dengan PKP, responden turut memberikan keutamaan terhadap aspek pendidikan dan kesihatan mental keluarga terutamanya menyediakan ruang khusus untuk anak-anak mengikuti pembelajaran di rumah dan menambah baik pakej data internet untuk kelancaran aktiviti pembelajaran di rumah. Dengan cara tersebut, proses pembelajaran anak-anak tidak terganggu dan mereka masih berpeluang bertemu rakan-rakan secara maya dan mengurangkan tekanan emosi akibat kurang interaksi fizikal sebagaimana situasi sebelumnya dan dapatan ini dilihat selari dengan kajian oleh DOSM (2020b). Beberapa strategi oleh responden seperti yang dinyatakan mendatangkan kesan yang positif dalam mengekalkan daya tahan komuniti dan keluarga untuk menghadapi tempoh pandemik dan PKP dan pengkaji mencadangkan supaya penduduk dapat meneroka dan mempelbagai asas kegiatan ekonomi termasuklah kegiatan bukan pertanian dan berunsurkan perniagaan supaya mereka mempunyai alternatif sekiranya harga komoditi sawit mengalami ketidakpastian.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mencapai objektif iaitu untuk menyiasat situasi berkaitan sosioekonomi komuniti di kawasan luar bandar sewaktu tempoh PKP amnya, dan impak pandemik COVID-19 terhadap sosioekonomi komuniti secara khususnya. Dapatan kajian ini juga dilihat mampu menyokong beberapa kajian sebelum ini berkaitan impak COVID-19 dan kehidupan masyarakat. Adalah penting dinyatakan bahawa wujud batasan dalam kajian ini yang hanya menjalankan pengumpulan data di lapangan dan analisis secara berpandukan kajian kes di FELDA Pemanis, daerah Segamat negeri Johor. Justeru, dapatan hasil analisis serta kesimpulan kajian yang dibuat oleh kumpulan pengkaji tidaklah boleh dianggap mewakili gambaran atau situasi kepada kawasan-kawasan atau kes kajian komuniti luar bandar yang lain. Malah, kajian ke atas petempatan FELDA di luar bandar hanyalah mencakupi salah satu daripada empat kategori utama petempatan luar bandar yang dikenal pasti (tiga kategori lain adalah kampung tradisional, kampung Orang Asli dan petempatan estet).

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa sumbangan oleh kajian yang dijalankan ini terutama terhadap usaha memahami secara lebih tepat keadaan dan impak pandemik ke atas sesebuah komuniti yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman. Ini termasuklah pengujian metodologi dan pendekatan kajian yang digunakan oleh kumpulan pengkaji dan pembanci sewaktu mengumpulkan data di lapangan yang menerapkan prosedur operasi piawai (standard operation procedure, SOP) yang ketat dan selari dengan saranan pihak KKM. Kumpulan pengkaji juga telah membangun dan menggunakan pakai set borang kaji selidik yang disemak secara komprehensif dan digunakan secara seragam bagi tujuan pengumpulan data impak pandemik ke atas sosioekonomi dan kesihatan masyarakat luar bandar untuk kawasan serta kes kajian yang lainnya. Dapatan kajian juga menyumbang kepada bahan bacaan dan rujukan pengkaji lain bagi mengenal pasti impak sosioekonomi oleh pandemik COVID-19 dengan fokus khusus terhadap komuniti di luar bandar.

Secara rumusannya, pandemik COVID-19 dan perintah kawalan pergerakan (PKP) yang dialami oleh komuniti di kawasan kajian di FELDA Pemanis 1, daerah Segamat, Johor telah mempengaruhi kelestarian sosioekonomi masyarakat yang terlibat. Majoriti responden kajian merupakan kumpulan isi rumah B40 yang mudah rentan terhadap impak pandemik termasuklah dari segi perubahan jumlah pendapatan, keperluan barangan harian isi rumah dan penjagaan kesihatan fizikal dan mental. Disebalik kekurangan dan masalah yang dihadapi, terdapat sebilangan besar KIR di kawasan kajian yang telah mengambil tindakan proaktif dan bersesuaian untuk mendepani dan mengurangkan impak pandemik COVID-19 demi menjamin kesejahteraan kehidupan dan kelestarian sosioekonomi mereka. Langkah selanjutnya oleh kajian ini pada masa yang akan datang adalah dengan melanjutkan proses kaji selidik dan pengumpulan data ke atas kawasan petempatan luar bandar dan pedalaman yang lain, mendapatkan saiz sampel yang lebih besar supaya dapatan kajian dapat digeneralisasikan dan sebelum suatu rumusan dan cadangan penambahbaikan yang berkesan dapat dihasilkan. Ini kerana setiap kawasan dan jenis petempatan luar bandar memiliki karakteristik, sumberjaya dan potensi tertentu yang memerlukan garapan suatu strategi yang bersesuaian bagi meneruskan kesejahteraan kehidupan dan kelestarian sosioekonomi masyarakat yang terlibat.

## PENGHARGAAN

Penulis artikel ini berterima kasih kepada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang telah menyediakan dana kepada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan seterusnya membolehkan kajian ini dilakukan. Kajian ini telah didaftarkan di bawah vot perundingan UTBS di bawah tajuk "Nationwide survey for health impact of COVID 19 on remote communities in Malaysia -Tender Notice:133769" dan "Survey on Health Impact of COVID 19 on remote communities in Peninsular Malaysia- WHO Registration: 2021/1151224-0".

## RUJUKAN

- Aziz, A. R. A. (2020). Pengangguran dalam kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 1-9.
- Aziz, A. R. A., Sukor, N. M., & Ab Razak, N. H. (2020). Wabak Covid-19: Pengurusan Aspek Kesihatan Mental Semasa Norma Baharu. *International Journal of Social Science Research*, 2(4), 156-174.
- Musa, A. S. & Abdul Rashid, S. M.R. (2021). Impak pandemik Covid-19 terhadap ekonomi pekebun mikro harumanis di Paya Kelubi, Perlis. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 18 (5), 138-156.
- Berita Harian (2020). COVID-19: Permintaan sarung tangan getah Malaysia melambung – Top Glove, BHOonline. Diakses atas talian di: <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/03/670616/covid-19-permintaan-sarung-tangan-getah-malaysia-melambung-top-glove>
- Berita Harian (2021a). Kronologi pelaksanaan fasa PKP. BHOonline. Diakses atas talian di: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/775155/kronologi-pelaksanaan-fasa-ppk>
- Berita Harian (2021b). Kadar pengangguran negara kembali meningkat. BHOonline, diakses atas talian di: <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/849124/kadar-pengangguran-negara-kembali-meningkat>
- Bernamea (2020). Pelan Pemulihan Negara : Peralihan PKP secara berperingkat merangkumi 4 fasa. Diakses atas talian di: <https://twitter.com/bernamadotcom/status/1404827107994181634/photo/2/>
- Fabeil, N. F., Pazim, K. H., & Langgat, J. (2020). The Impact of COVID-19 Pandemic Crisis on Micro-Enterprises: Entrepreneurs' Perspective on Business Continuity and Recovery Strategy. *Journal of Economics and Business*, 3(2), 837-844.
- Farique, M. A. M., & Fauzi, M. A. M. (2021). Implikasi Pandemik COVID-19 terhadap Ekonomi Global dan Ekonomi Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 2(1), 122-129.
- Google Earth Pro (2021). Lokasi Kawasan kajian – FELDA Pemanis 1, daerah Segamat, Johor.
- Hamid, M. N. S., Ali, R. M., & Ramli, M. W. (2021). Impak Perintah Kawalan Pergerakan terhadap Golongan Miskin: Satu Analisis Cerpen "Kuncitara". *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 1-8.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020a). Laporan Survei Khas Kesan COVID-19 kepada Ekonomi dan Individu (Pusingan 1). Putrajaya, Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020b). Kajian Kes Impak Perintah Kawalan Pergerakan kepada Penduduk Malaysia. Newsletter DOSM/BPPD/1.2020/Siri 17. Putrajaya, Malaysia
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2021). Siaran Akhbar: Statistik Utama Tenaga Buruh di Malaysia, Februari 2021. Putrajaya, Malaysia.
- Khor, V., Arunasalam, A., Azli, S., Khairul-Asri, M. G., & Fahmy, O. (2020). Experience from Malaysia during the COVID-19 Movement Control Order. *Urology*, 141, 179-180.
- Lim, L.L. (2020). The socioeconomic impacts of COVID-19 in Malaysia: policy review and guidance for protecting the most vulnerable and supporting enterprises. *International Labour Organization (ILO) Report*. Geneva, Switzerland.
- Lehan, N. F. A. M., Razak, K. A., & Kamarudin, K. H. (2020). COVID-19 Pandemic: The New Normal in Business Continuity Plan for Real Estate Firms in Malaysia. *International Journal of Real Estate Studies*, 14(S2), 138-145.
- Majlis Keselamatan Negara (MKN) (2021). Status COVID-19 dan Vaksinasi pada 4 Oktober 2021. Diakses atas talian di: <https://www.mkn.gov.my/>.
- Norashikin, N. A. A., Sidek, N. I. J., Johari, N. A., & Ishar, M. I. M. (2021). Kesan Norma Baharu terhadap Pengguna dari Aspek Aktiviti Sosial. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 159-170.
- Rashid, S. M. R. A., & Hassan, F. (2020). Amalan dan Penglibatan Peniaga Kecil melalui Perniagaan Digital semasa Pandemik COVID-19 di Malaysia. *GEOGRAFI*, 8(2), 1-20.
- Rashid, M. F., Mohd Khairul Anwar, M. N., Samsudin, N. A., Rosley, M. S. F., Lai, L. L., & Omar, S. R. (2021). The Impact of Movement Control Order (MCO) Implementation towards Small Food Hawkers in Malaysia. *The International Conference on Integrated Urban Planning 2021 (ICIUP2021)*.

- Shah, A. U. M., Safri, S. N. A., Thevadas, R., Noordin, N. K., Abd Rahman, A., Sekawi, Z., Ideris, A., & Sultan, M. T. H. (2020). COVID-19 Outbreak in Malaysia: Actions Taken by the Malaysian Government. *International Journal of Infectious Diseases*, 97, 108-116.
- Shakeel, S., Hassali, M. A. A., & Naqvi, A. A. (2020). Health and Economic Impact of COVID-19: Mapping the Consequences of a Pandemic in Malaysia. *The Malaysian Journal of Medical Sciences: MJMS*, 27(2), 159-164.
- Wikipedia (2021). Malaysian movement control order. Diakses atas talian di:[https://en.wikipedia.org/wiki/Malaysian\\_movement\\_control\\_order](https://en.wikipedia.org/wiki/Malaysian_movement_control_order).

Khairul Hisyam Kamarudin  
*Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur,*  
*Jalan Sultan Yahya Petra, 54000 Kuala Lumpur*  
*Email: khisyam.kl@utm.my*

Asan Ali Golam Hassan @ Mohammad  
*Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur,*  
*Jalan Sultan Yahya Petra, 54000 Kuala Lumpur*  
*Email: asanali@utm.my*

Mohamad Fadhli Rashid  
*Universiti Teknologi Malaysia Johor Bahru, 81310 Skudai Johor*  
*Email: m.fadhli@utm.my*

Nanthakumar Loganathan  
*Universiti Teknologi Malaysia Johor Bahru, 81310 Skudai Johor*  
*Email: nanthakumar@utm.my*